

‘Bukan masa promosi ideologi China di Malaysia’

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kini bukan masa untuk mana-mana pihak mempromosikan ideologi China di negara ini, namun Malaysia akan terus mengekalkan hubungan baik dengan republik itu.

Perdana Menteri berkata, rakyat, terutama generasi muda mesti memahami masalah dalam negara dan dasar sedang dirangka kerajaan untuk membangunkan Malaysia.

Sehubungan itu kerajaan katanya, melarang pengedaran komik *Inisiatif Jalur dan Jalan Meraih Manfaat Bersama* di semua se-

kolah selepas mencetuskan kontroversi, baru-baru ini.

“Bukan masa untuk kita mempromosikan ideologi China. Orang muda mesti memahami masalah dan bagaimana negara kita membangun terlebih dahulu,” katanya.

Beliau menjawab soalan peserta pada Persidangan Praxis Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) 2019 ‘Malaysia Beyond 2020’ di sini, semalam, mengenai penyebaran serta kandungan komik *Inisiatif Jalur dan Jalan Meraih Manfaat Bersama* yang didakwa mengandungi unsur propaganda politik serta mempromosi-

sikan ideologi China.

Komik berkenaan diterbitkan pada April 2019 oleh Muzium Kebudayaan Komik Asia di Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), atas kerjasama kolektif antara kurator, Dr Hew Kuan Yau dan artis komik tempatan, Ching Po Ling.

Dr Mahathir berkata, pendirian Malaysia adlaah jelas mahu terus mengekalkan hubungan baik dengan China, terutama dalam perkara yang memanfaatkan ekonomi negara.

Beliau berkata, dasar baharu diperkenalkan China, iaitu *Belt and Road* memberi manfaat ke-

pada Malaysia secara tidak langsung, namun kerajaan perlu mengkaji setiap kelebihan di dalamnya.

“Malaysia selalu dianggap sebagai kawan (oleh China). Sekarang China sudah menerima pakai dasar baharu dan ia memberi manfaat kepada negara terbabit. Banyak negara kaya melihat ia peluang pasaran yang baik.

“Kita (Malaysia) mahu terus mempunyai hubungan baik dengan China. Kita perlu mencari apa yang dimaksudkan dengan *Belt and Road*. Kita tidak boleh menyokong tanpa sebarang penyelidikan,” katanya.

Kepada soalan kehadiran kapal perang di Laut China Selatan, Dr Mahathir berkata keadaan itu boleh menyebabkan ‘bencana’ besar dan konflik yang tidak perlu di kawasan itu.

Beliau berkata, pada masa ini kapal masih bebas untuk berlayar di kawasan itu tanpa sebarang halangan tetapi memberi amaran bahawa kehadiran kapal perang mungkin membawa kepada masalah yang lebih besar.

“Rayuan kami (Malaysia) kepada kuasa-kuasa besar adalah menjauhkan semua senjata perang (kapal perang) di kawasan ini,” katanya.